

Kolej Kediaman Satria Lekiu UTeM Sebagai Medium Nilai Tambah Kemahiran Insaniah Pelajar

Wan Haszerila Binti Wan Hassan
Netty Muhalizza Binti Mohd Fadzil
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA,

ABSTRAK

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menggariskan tujuh kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan. Selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang, penguasaan kemahiran insaniah yang baik akan dapat mencerahkan lagi masa depan pelajar untuk menonjolkan diri mereka sebagai calon modal insan yang berkaliber dan fleksibel. Dalam era globalisasi ini, majikan tidak hanya mementingkan pencapaian akademik sahaja tetapi juga kemahiran insaniah. Kolej kediaman memainkan peranan penting dalam proses pembentukan kemahiran insaniah pelajar kerana kolej kediaman merupakan tempat dimana pelajar banyak menghabiskan masa sepanjang pengajian di universiti. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji peranan kolej kediaman dalam memperkasakan kemahiran insaniah dikalangan pelajar universiti.

Kata Kunci: kemahiran insaniah, modal insan, kolej kediaman


PENGENALAN

Kolej kediaman merupakan tempat tinggal atau penginapan kepada pelajar yang belajar di universiti. Peranan kolej kediaman bukan sahaja menyediakan perkhidmatan penginapan selesa yang memberi khidmat sokongan, kemudahan dan apa jua keperluan untuk meningkatkan kemajuan akademik serta proses pembelajaran berkesan bahkan juga kolej kediaman merupakan khidmat kemudahan yang kedua terpenting selepas fakulti yang digunakan oleh pelajar sepanjang menuntut di universiti. Kolej kediaman memainkan peranan dalam proses pembentukan diri dan keperibadian pelajar dalam aktiviti pembangunan dan kepimpinan diri. Antara matlamat mengadakan kolej kediaman adalah seperti berikut (Jamaludin, 2005):

1. Menyediakan pengalaman yang menyeronokkan dan berfaedah bagi memangkin kejayaan akademik.
2. Memberi hak pelajar untuk *privacy*, keselamatan diri dan harta peribadi semasa berada di universiti.
3. Mewujudkan persekitaran yang bersesuaian untuk keperluan peribadi bagi mencapai prestasi diri yang baik.
4. Melahirkan generasi pelajar yang bertanggungjawab, berbudaya ilmu, pintar, bermasyarakat, berkepimpinan tinggi, mampu bersaing di peringkat antarabangsa, berakhhlak mulia dan berbudaya bangsa.

Kolej kediaman adalah merupakan satu tempat yang sempurna untuk membentuk perkembangan pelajar ke arah mencapai matlamat pendidikan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan juga negara. Sepanjang pengajian di universiti, sebahagian masa pelajar banyak digunakan di kolej kediaman selain daripada di fakulti. Justeru itu, banyak aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar diatur dan dilaksanakan kepada pelajar untuk memberi input kemahiran insaniah (*soft skills*), kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berkumpulan dan lain-lain. Organisasi kolej kediaman pelajar telah dibentuk sesuai dengan fungsi kolej kediaman iaitu menyediakan kemudahan yang selesa kepada pelajar supaya pembangunan pelajar terlaksana dengan jayanya. Carta organisasi kolej kediaman secara umumnya ditunjukkan seperti dalam **Rajah 1.0**.

Rajah 1.0: Struktur Organisasi Kolej Kediaman UTeM



Sumber Pejabat Pentadbiran Kolej Kediaman UTeM

Jawatankuasa Kolej Siswa (JAKSIS) adalah merupakan sebuah badan tertinggi peringkat pelajar yang bertanggungjawab menjaga kebijakan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan di kolej kediaman. Jawatankuasa ini terdiri daripada pelajar yang menginap di kolej tersebut dan dipilih untuk mewakili penghuni lain di kolej tersebut. Fungsi

JAKSIS juga adalah sebagai perantara pihak pengurusan asrama dan penghuni kolej. JAKSIS juga merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab melaksanakan segala aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan dan kepimpinan pelajar di kolej kediaman melibatkan empat kumpulan iaitu pentadbir, penasihat dan pemantau, pelaksana dan golongan sasaran (Fairus, 2008). **Jadual 1.0** menerangkan peranan dan tanggungjawab setiap kumpulan yang terbabit.

Jadual 1.0: Pihak Terlibat dalam Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Kolej Kediaman

Pihak yang terlibat	Tanggungjawab dan Peranan
Pihak Pengurusan Kolej Kediaman	Pentadbir: Bertanggungjawab meluluskan sesuatu perancangan aktiviti
Pegawai Pembangunan Pelajar	Penasihat dan Pemantau: Bertanggungjawab sebagai pemantau dan memastikan aktiviti dilaksanakan mengikut perancangan
JAKSIS	Pelaksana: Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang dirancang
Penghuni Kolej Kediaman UTeM	Golongan Sasaran: Bertanggungjawab untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kolej Kediaman UTeM

ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH

Penguasaan kemahiran insaniah akan menjamin seseorang pelajar terus relevan dan mampu bersaing dalam dalam era globalisasi yang penuh cabaran masa kini. Jangka hayat pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam bidang tertentu merupakan pengetahuan yang perlu untuk jangka masa singkat tetapi pelajar perlu juga dilengkapi dengan kemahiran insaniah yang dianggap sebagai kemahiran masa depan. Menyedari tentang kepentingan kemahiran insaniah dikalangan bakal-bakal graduan, pihak KPT telah mengeluarkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia pada tahun 2005.

Terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah yang diberi penekanan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Berikut merupakan tujuh elemen kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam diri pelajar:

1. Kemahiran Berkommunikasi (*Communication Skills – CS*)
2. Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah (*Critical Thinking and Problem Solving – CTPS*)
3. Kemahiran Kerja Berpasukan (*Team Work Skills – TS*)
4. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (*Lifelong Learning and Information Management – LL*)
5. Kemahiran Keusahawanan (*Entrepreneurship Skills – ES*)
6. Etika dan moral Profesional (*Ethics and Professional Morals – EM*)
7. Kemahiran Kepimpinan (*Leadership Skills – LS*)

Setiap elemen mengandungi beberapa objektif tertentu yang perlu dicapai bagi memastikan ilmu kemahiran insaniah dihayati secara menyeluruh oleh setiap pelajar di

universiti. Peranan kolej kediaman amat penting untuk memastikan pelajar seimbang dalam bidang akademik mahupun kemahiran insaniah seterusnya dapat merealisasikan cita-cita murni pelajar dan juga universiti. Ianya bukan sahaja berperanan untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa mahupun selamat kepada pelajar, tetapi juga perlu berperanan sebagai pusat pengembangan ilmu serta sahsiah pelajar. Sehubungan dengan itu, pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) di bawah pengurusan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNC HEP) telah mengingatkan para pengetua dan felo-felo kolej agar dapat menerapkan kemahiran-kemahiran insaniah melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di peringkat kolej-kolej kediaman.

KEPENTINGAN KEMAHIRAN INSANIAH UNTUK PELAJAR

Tujuh elemen kemahiran insaniah merupakan elemen kemahiran yang amat diperlukan oleh pihak majikan dan perlu diberi penekanan terhadap penerapannya oleh semua IPT di seluruh Malaysia. Kajian yang dibuat oleh (Yahya, 2004) mendapati kemahiran insaniah dianggap penting oleh pihak majikan industri dan perlu diterapkan kepada pelajar termasuklah:

1. Kemahiran berkomunikasi
2. Kemahiran bekerja secara berkumpulan
3. Ketrampilan pelajar dari segi kepimpinan
4. Kemahiran merancang dengan baik
5. Memahami etika kerja yang sesuai
6. Berdisiplin
7. Boleh mengurus diri sendiri
8. Menggunakan masa dengan bijak
9. Dapat membuat sesuatu perbezaan
10. Berfikir secara kritikal
11. Mengurus beban kerja
12. Menyelesaikan sesuatu masalah
13. Menentukan keutamaan
14. Membuat sesuatu keputusan dengan bijak
15. Membuat anggaran
16. Berdaya saing
17. Kreatif
18. Fleksibel
19. Peka terhadap isu-isu persekitaran
20. Menghormati pemikiran dan pendapat orang lain
21. Boleh bekerjasama
22. Bergaul dan berunding dengan orang lain
23. Bersikap positif terhadap sesuatu perubahan
24. Bertindak tanpa pertolongan orang lain
25. Menyesuaikan diri
26. Berdaya saing
27. Peka terhadap isu-isu persekitaran
28. Menghargai diri sendiri
29. Bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil

Kemahiran-kemahiran tersebut penting kerana para pelajar yang berupaya memiliki kemahiran-kemahiran tersebut akan dapat mempamerkan perwatakan yang penuh yakin serta bersedia menempuh alam pekerjaan yang memerlukan para pekerja memiliki kepelbagaian kemahiran insaniah disamping kemahiran teknikal.

PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DI KOLEJ KEDIAMAN UTeM

Terdapat beberapa kaedah yang boleh diaplikasikan oleh para pengetua dan felo kolej kediaman di UTeM dalam menerapkan kemahiran insaniah kepada pelajar di kolej sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara langsung atau *formal*, kemahiran insaniah boleh diterapkan melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

1. Kursus-kursus
 - Kursus kepimpinan JAKSIS
 - Kursus motivasi
 - Kursus kaunseling
2. Bengkel-bengkel
 - Bengkel kerjaya
 - Bengkel akademik
3. Pengucapan awam
4. Program khidmat masyarakat
5. Program khidmat pendidikan
6. Ceramah-ceramah agama dan moral
 - Aktiviti Usrah
 - Kuliah subuh
 - Ceramah moral
7. Forum
8. Gotong-royong
9. Sukan dan permainan
10. Kempen-kempen
 - Kempen anti dadah
 - Kempen pencegahan kebakaran
 - Kempen amalan berdisiplin
 - Kempen berbudi bahasa

Dalam menjayakan program-program yang hendak dijalankan, para pelajar digalakkan untuk menyediakan kertas kerja, membuat perancangan dan belanjawan seterusnya disemak oleh pihak pentadbiran kolej kediaman, pengetua dan juga felo-felo. Disamping itu, dalam menjayakan Program Khidmat Masyarakat contohnya, para pelajar perlu berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang luar dan juga masyarakat. Ini merupakan bimbingan tidak langsung atau *informal* dalam membentuk kemahiran insaniah pelajar.

KESIMPULAN

Justeru itu, kolej kediaman UTeM sebagai rumah kedua perlu lebih teliti dalam memperkuuh peranannya. Jika fakulti berperanan secara langsung dalam menyediakan dan melaksanakan program akademik bermutu tinggi, kolej kediaman pula perlu tampil sebagai dataran ilmu untuk mengembangkan potensi dalam diri pelajar. Sepanjang tempoh pengajian di universiti, sekurang-kurangnya dua tahun pertama pelajar diwajibkan untuk menghuni di kolej-kolej kediaman. Apabila pelajar menghuni kolej kediaman seawal tahun pertama pengajian, pengaruh dan sumbangaan kolej kediaman sebenarnya adalah sangat besar terhadap pembentukan diri dan kecemerlangan pelajar. Seawal tahun pertama, pelajar mula bercampur gaul dan membentuk kumpulan rakan belajar. Jika sistem di sebuah kolej kediaman adalah berkesan dan berupaya membawa perubahan positif kepada para pelajar, pastinya tahun-tahun pengajian berikutnya di universiti dapat dilalui dengan lebih baik. Justeru, sebuah kolej kediaman mesti berupaya menyediakan platform ke arah merealisasikan proses transformasi diri para penghuninya dengan melihat kepada tuntutan dan cabaran global.

RUJUKAN

- Jamaludin Mohaiadin. (2005). Kampus Universiti sebagai Institusi “Living-Environment”. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Nasional (SPARK). Hotel Century Mahkota, Melaka. 27 – 30 November 2005.
- Fairus Muhamad Darus. (2008). Peranan Kepimpinan Mahasiswa di Kolej Kediaman dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah (Soft skills). ESTEEM Academic Journal UiTM Pulau Pinang. 4(2): 199 – 207.
- Modul Pembagunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institut Pengajian Tinggi (2006). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2006.
- Yahya Buntat. (2004). Integrasi Kemahiran “Employability” Dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri Di Malaysia. Thesis Phd.
- Esa. (2008). Penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan melalui pembelajaran koperatif: Tinjauan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia.